

Transformasi Pendidikan Besar-besaran

Oleh Mohd. Nasiruddin Abd. Nasir

Laporan Awal Pelan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015 yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, pada 11 September lalu merupakan fasa pertama pembangunan pendidikan daripada penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012 – 2025. Pelan pembangunan pendidikan ini membabitkan tiga fasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran untuk memastikan sistem pendidikan negara lebih tekal, berkesan, dinamik, serta memenuhi semua keperluan rakyat.

Kerajaan begitu komited memperkasakan sistem pendidikan negara. Daripada sistem pendidikan bersifat domestik, kini mengorak langkah ke arah memartabatkan pendidikan negara setaraf antarabangsa. Segala akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, serta keberkesanan sistem pendidikan negara kali ini dipacu dengan lebih menyeluruh.

Dalam merangka pelan pendidikan tersebut sebanyak sembilan bidang utama yang dikenal pasti hasil daripada Laporan Penilaian Pendidikan Negara, iaitu memartabatkan profesion kegunaan,

meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah, meningkatkan kualiti sekolah, memantapkan kualiti kurikulum dan pentaksiran, meningkatkan penguasaan pelbagai bahasa, mengukuhkan pelibatan ibu bapa, sektor swasta dan masyarakat sebagai rakan kongsi dalam pendidikan, meningkatkan kesediaan murid untuk merebut peluang dalam pendidikan tinggi dan pasaran kerja, memperbaiki kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber, dan membina kemampuan serta keupayaan sistem penyampaian pendidikan.

Daripada keseluruhan bidang keutamaan ini, kementerian mengenal pasti 11 anjakan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan perubahan yang diinginkan oleh seluruh rakyat. Sekalipun kerajaan menyatakan perubahan ini gelombang pertama untuk memahami prestasi dan cabaran semasa pendidikan negara, hal ini membabitkan komitmen yang besar kerana impaknya kelak menjadi penentu bagi meneruskan kesinambungan pelan ini pada gelombang kedua (2016 – 2020) dan gelombang ketiga (2021 – 2025).

Mahu tidak mahu, kerja keras bermula daripada fasa pertama ini untuk mencapai matlamat supaya gelombang

berikutnya berada di landasannya. Tidak ada alasan lagi untuk berlengah-lengah, tempoh tiga tahun agak singkat sebelum fasa kedua bermula dan perlu dimanfaatkan sebaik-baik mungkin supaya perubahan yang dilakukan ini mencapai sasarannya.

Jika diperhalus laporan pertama ini, kerajaan cuba memperbaiki dua aspek penting, iaitu mutu guru dan keberhasilan murid, diikuti dengan penambahbaikan kokurikulum baharu di sekolah, selain usaha meningkatkan kualiti sekolah. Dalam hal ini, Timbalan Perdana Menteri turut menegaskan bahawa matlamat utama semua pembaharuan yang bakal diperkenalkan itu ialah kualiti.

Sudah tiba masanya strategi pendidikan dirangka bagi melahirkan guru yang berwibawa serta pelajar yang berkemampuan berfikir secara kritis dan analitis. Sebenarnya, sistem pendidikan nasional sedia ada telah menekankan perkara ini, namun masih jauh ketinggalan. Potensi guru masih menjadi persoalan, manakala pelajar sekolah hanya bijak menghadapi peperiksaan, tetapi tidak kritis dan dinamik.

Perkara ini memerlukan transformasi pendidikan segera. Jika dahulu kita berhadapan dengan sekolah vernakular, kini kita berhadapan dengan sekolah antarabangsa yang semakin subur dan mendapat sambutan hangat. Dalam hal ini, kualiti guru dan pelajar menjadi kayu ukurnya. Adakah kita cukup bersedia untuk melakukan transformasi tersebut?

Begitu juga, saingan dunia pendidikan dan cabaran masa depan meletakkan guru di barisan hadapan untuk menjayakan pembangunan pendidikan yang berkualiti. Bagi menghasilkan guru yang benar-benar berwibawa memerlukan jangka masa yang panjang. Sehubungan dengan hal itu, Kementerian Pelajaran mengankan kemasukan guru ketat dan mengikut standard bagi memastikan setiap pengambiln guru pelatih memenuhi kelayakan akademik minimum yang ditetapkan.

Rangka tindakan awal itu turut menyatakan Kementerian Pelajaran

berganding bahu dengan Institut Pendidikan Guru dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan kualiti kurikulum dan pensyarah dinaikkan taraf bagi melahirkan guru seperti yang dikehendaki sejajar dengan matlamat transformasi jawatan guru sebagai profesion pilihan utama dalam kalangan masyarakat negara ini.

Pendekatan ke arah melahirkan guru berkredibiliti dan berwibawa tercetus apabila Tan Sri Muhyiddin mengengerusikan Panel Penilai Bebas Antarabangsa bagi mengkaji semula sistem pendidikan negara. Panel penilai bebas tersebut diwakili oleh empat orang panel Pengarah Institut Pendidikan Kebangsaan Singapura, Profesor Dr. Lee Sing Kong, bekas Menteri Pendidikan Korea Selatan, Dr. Byong Man Ahn; Ketua Indikator dan Bahagian Analisis, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Dr. Andreas Schleicher dan Penasihat Khas Menteri Pendidikan Ontario, Kanada, Dr. Michael Fullan. Tujuh lagi panel bebas membabitkan panel tempatan.

"Pertemuan ini bukan sahaja berasaskan kajian dalaman, sebaliknya membabitkan rundingan dengan golongan profesional dan pelbagai pihak. Sekarang masanya untuk merancang cara pelaksanaan supaya perubahan sistem ini mencapai sasaran. Pelaksanaan ini perlu terus dibincangkan serta diperhalus oleh Kementerian Pelajaran," kata Tan Sri Muhyiddin.

Melalui siri perbincangan yang giat dijalankan oleh panel penilai bebas itu sejak lapan bulan sebelum pelan pertama dibentangkan, mereka melihat contoh sistem pendidikan berprestasi tinggi di negara lain dapat dilaksanakan di Malaysia. Antara bidang penting yang ditekankan ialah mutu guru dan kewibawaan kepemimpinan sekolah yang memberi sumbangan besar kepada pencapaian sistem pendidikan.

Perkara menarik yang disuarakan oleh panel, Man Ahn, bekas Menteri Pendidikan Korea ketika berkongsi pengalamannya menjelaskan bahawa bidang perguruan

di Korea dipandang tinggi dan mendapat bayaran lumayan, malah jika ibu bapa mahu mencarikan jodoh untuk anak mereka, guru atau pensyarah menjadi pilihan utama. Selain itu, sukar untuk memasuki kolej perguruan kerana setiap tahun hampir ribuan calon memohon pengajian tersebut.

"Kebimbangan yang dihadapi Malaysia sama seperti Korea, iaitu cara menjadikan guru lebih berkualiti," katanya. Tambahnya, walaupun kerajaan perguruan di negara ini tidak sepopuler dan mempunyai tahap intelektual yang tinggi seperti Korea, masalah yang sama dihadapi, iaitu tahap komitmen. "Saya tersentuh apabila melihat Perdana Menteri Malaysia memberikan komitmen yang begitu tinggi terhadap aktiviti pendidikan seumpama ini, satu fenomena yang jarang-jarang dilihat di negara lain," katanya.

Tambahnya lagi, "Guru Korea sangat intelek, jika dilantik sebagai profesor akan terjamin kehidupan sehingga umur 62 tahun, tidak perlu bekerja kuat atau mengajar dengan bersungguh-sungguh. Timbul masalah pula, bagaimana mahu menjadikan guru lebih komited terhadap kerjayanya. Inilah masalah yang membelenggu Korea."

Beliau turut menegaskan, budaya pendidikan Korea lebih ekstrem, dengan ibu bapa terlalu taasub dengan kecemerlangan anak sehingga ada kajian mendapati murid tidak mempunyai masa rehat yang secukupnya. Man Ahn mengauki budaya seumpama itu ada kelemahannya.

"Ibu bapa sanggup bergadai harta demi pendidikan anak termasuk menghantarnya ke luar negara yang mempunyai bahasa pengantar bahasa Inggeris hanya untuk memudahkan mereka fasih berbahasa Inggeris. Malah, ada gelaran kepada bapa yang bekerja keras untuk menanggung perbelanjaan pendidikan dan sara anak di luar negara yang turut ditemani ibu mereka. Golongan bapa ini dikenali sebagai 'bapa hantu' di Korea," katanya.

Keadaan ini menyebabkan anak kurang berdiskari dan terlalu bergantung pada ibu bapa. Menyedari

masalah yang sangat serius ini, kerajaan Korea mewujudkan perkampungan bahasa Inggeris di setiap wilayah bagi membolehkan pelajar mendalami bahasa Inggeris tanpa perlu berbelanja besar ke luar negara.

Man Ahn tidak menafikan masalah yang dihadapi sistem pendidikan Malaysia sama seperti Korea Selatan, iaitu pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam sistem dwibahasa. Namun, beliau menegaskan bahawa negara ini bertuah kerana kebanyakan rakyatnya fasih berbahasa Inggeris.

"Cuma yang mengejutkan saya ialah apabila kerajaan (Malaysia) menyatakan ada masalah dengan pengajaran. Masalah timbul bagi generasi muda ialah kesukaran bertutur dan menulis dengan baik dalam bahasa Inggeris. Saya yakin masalah ini lebih mudah diselesaikan berbanding dengan kami (Korea Selatan) kerana rakyat Malaysia lebih fasih berbahasa Inggeris," katanya.

Perkongsian pengalaman sebegini amat bermanfaat bagi memastikan pelan pendidikan negara ini mencapai matlamat. Malaysia sudah ada suri teladan, tinggal lagi usaha untuk merealisasikannya. Rakyat menaruh harapan tinggi terhadap Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang kini dalam fasa pertamanya. Namun, tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan di bahu kerajaan, sebaliknya seluruh anggota masyarakat, terutama ibu bapa bergandingan bahu mencapai hasrat ini dengan harapan sistem pendidikan terus kekal relevan bagi menyahut perkembangan semasa.

Kunci utama bagi menjayakan pelaksanaan dasar kerajaan sebenarnya amat bergantung pada tenaga penggerak di sekolah. Dalam hal ini, guru, pengetua, dan guru besar ejen terpenting bagi menjayakan agenda pendidikan negara. Kejayaannya amat bergantung pada komitmen guru yang menjadi penentu hala tuju baharu pendidikan negara dalam tempoh 13 tahun akan datang. ■